

Selaraskan 'Mesyuarat Ekonomi ASEAN — PM

U.M. - 9 OCT 1992

KUALA LUMPUR 8 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya ASEAN mewujudkan Mesyuarat Menteri Ekonomi yang selaras dengan corak Mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri ASEAN (AMM) bagi mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota.

Dr. Mahathir ketika membuat saranan itu berkata, ekonomi merupakan isu rumit yang sepatutnya dipertanggungjawabkan kepada menteri-menteri ekonomi ASEAN.

Pada masa ini, ujarnya, Menteri-Menteri Luar ASEAN yang menyertai AMM terpaksa membincangkan isu ekonomi yang memerlukan pertimbangan mendalam dan tentulah menteri ekonomi lebih sesuai mengendalikan isu-isu ekonomi dan membuat keputusan.


Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Kongres ASEAN Pertama anjuran ASEAN dan Institut Kajian Strategik Antarabangsa (ISIS) di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan keputusan yang dibuat oleh Menteri-Menteri Luar ASEAN di sidang AMM hanya berdasarkan kepada soal hubungan dan politik semasa dan bukannya berasaskan kepentingan ekonomi.

Ditanya ketika bilakah peranan Menteri Ekonomi ASEAN diperlukan dalam perbincangan ekonomi, Dr. Mahathir memberitahu, ia bergantung kepada keadaan.

"Jika Mesyuarat Menteri Luar ASEAN akan membincangkan isu ekonomi, maka kehadiran menteri ekonomi adalah perlu, begitulah sebaliknya," kata Dr. Mahathir.

KONGRES ASEAN PERTAMA
7-10 OKTOBER 1992
HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR



Sementara itu, ketika diminta mengulas langkah Malaysia memelihara Selat Melaka daripada bahaya kapal kargo Jepun yang membawa bahan plutonium, Dr. Mahathir berkata, Malaysia mempunyai hak untuk membantah terhadap tindakan kerajaan Jepun itu.

"Kita tidak risau dengan apa yang hendak dilakukan oleh Jepundengan plutonium itu, bagaimanapun kita risau jika kapal kargo yang membawa bahan radioaktif itu terlibat dalam kemalangan," kata Dr. Mahathir.

Ditanya sama ada beliau akan membincangkan isu itu dengan Perdana Menteri Jepun, Kiichi Miyazawa dalam lawatannya ke Jepun tidak lama lagi, Perdana Menteri berkata, beliau tidak ada rancangan untuk bertemu dengan Miyazawa.

Berhubung arahan kabinet

supaya sidang antarabangsa mengenai keselamatan Selat Melaka diadakan segera, beliau memberitahu, sudah sampai masanya Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura berbincang mengenai masalah yang menimpa selat itu baru-baru ini.

Perbincangan itu, menurutnya, tidak harus terhad kepada soal Selat Melaka saja malah hendaklah merangkumi laluan-laluan kapal yang lain.

"Sudah tiba masanya kita merangka satu peraturan baru berhubung laluan kapal yang merentasi berbagai-bagai selat secepat mungkin, sebelum kemalangan berlaku lagi," katanya.

Beliau juga menyifatkan undang-undang laluan perkapalan yang sedia ada sebagai ketinggalan zaman dan perlu diubah," katanya.